Panggilan Kecemasan 999

Selepas tempat kemalangan itu kita elakkan, kita perlu _____ nombor talian kecemasan itu. Kita juga mestilah _____ butiran peribadi. Kemudian, _____ lokasi kemalangan itu kepada pihak polis. Maklumat yang tepat hendaklah kita _____ agar dapat memudahkan _____ ke tempat kejadian. Jangan sesekali kita membuat _____ palsu. Perbuatan itu patut kita _____ .

mendail	penyelamat	jelaskan	terangkan
jauhi	panggilan	ubahkan	memberitahu

LIVEWORKSHEETS

Keselamatan Perkelahan di Pantai

Keselamatan perkelahan di pantai perlu dititikberatkan oleh setiap pengunjung. Langkah berjaga-jaga amat perlu bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini.

Sebelum ke tempat perkelahan, kita perlu menyemak laporan kajian cuaca. Kita tidak digalakkan berada di pantai ketika angin kencang, hujan lebat dan petir. Keadaan cuaca sedemikian membahayakan keselamatan kita.

Ketika merancang perkelahan, peringatan awal tentang keselamatan ketika bermain di tepi pantai harus diberikan kepada anggota keluarga. Sebagai contohnya, anggot keluarga patut kita ingatkan supaya menjauhi ombak yang besar.

Seterusnya, kita patut memilih Kawasan yang dekat dengan pengawal keselamatan pantai yang berada di menara kawalan. Kita juga mestilah memakai pakaian renang yang berwarna cerah semasa berenang atau bermain di pantai.

Selain itu, kita mestilah berwaspada akan arus ombak serta hidupan laut. Elakkan tempat yang berbahaya agar tidak terpijak kerrang-kerangan atau terkena sengatan ubur-ubur.

Setiap anggota keluarga perlu memainkan peranan untuk menjaga keselamatan diri agar dapat kecelakaan dapat dielakkan.

awalan	akhiran

LIVEWORKSHEETS